

07 JUL 1998

MAHATHIR-PERATURAN/I

PERATURAN BARU AKAN DIRANGKA UNTUK BANTU SYARIKAT BERMASALAH

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata peraturan dan undang-undang baru perlu dirangka kerana undang-undang, peraturan dan amalan-amalan perbankan yang ada sekarang dilihat menjadikan masalah yang dihadapi syarikat-syarikat dalam kegawatan ekonomi ini.

Kemerosotan nilai matawang dan saham yang mudah berlaku boleh menyukarkan syarikat-syarikat yang amat kukuh dan ini menunjukkan ke arah perlunya diadakan peraturan dan juga undang-undang untuk memperbaiki kemantapan syarikat-syarikat.

"Bagaimanapun, perkara ini harus dikaji," katanya dalam ucapan utama beliau semasa melancarkan sambutan ke-100 tahun penubuhan Pendaftar Syarikat (ROC) dan merasmikan persidangan antarabangsa mengenai tatacara korporat di sini.

Dr Mahathir berkata tujuannya bukan untuk membantu syarikat-syarikat tidak diuruskan dengan baik, tetapi untuk membolehkan syarikat-syarikat yang diuruskan dengan baik untuk terus hidup di mana kegagalan mereka bukan disebabkan oleh tindakan mereka, dan untuk memulihkan mereka.

Beliau berkata kelangsungan hidup dan keuntungan syarikat-syarikat ini bukan hanya untuk diri mereka sendiri, tetapi juga memberikan manfaat kepada negara amnya.

Dalam sidang media selepas itu, Perdana Menteri berkata negara harus akan meneruskan dasar kewangannya sendiri dalam menangani masalah ekonomi sekarang.

"Oleh kerana orang lain tidak dapat menyelesaikannya bagi kita, kita harus menyelesaikannya sendiri. Kita tidak boleh duduk sahaja dan membiarkan orang lain mengarahkan syarat-syarat atau faedah daripada masalah ekonomi kita," tambahnya.

Apabila ditanya mengenai kadar tukaran asing, beliau berkata walaupun Malaysia bertindak sendirian, adalah masih sukar untuk mencapai kadar tukaran asing yang stabil disebabkan masalah-masalah yang melanda negara-negara lain di rantau ini.

Mengenai sama ada kerajaan akan merangka dasar-dasar baru untuk menangani masalah ekonomi, beliau berkata kerajaan masih mengkaji apa yang perlu dilaksanakan.

Mengenai pendapat beliau terhadap aliran modal asing terutamanya bagi tujuan spekulasi, beliau berkata Malaysia sentiasa mengalu-alukan pelaburan asing, terutamanya dalam pengeluaran barangan untuk eksport.

"Bagaimanapun, jika mereka datang dan menolak naik harga-harga saham dan kemudiannya menjualnya ... kita tidak perlu mengalaminya sekali lagi. Kita tidak perlukannya," tambahnya.

ROC merayakan ulang tahun penubuhannya yang ke-100 selepas ia meluluskan syarikat pertama dalam bidang kuasanya, Kuala Kangsar Plantations Company Ltd, pada 29 Mac 1898.

Sehingga 4 Julai 1998, ROC telah meluluskan penubuhan sejumlah 468,741 syarikat, kata Pendaftar Syarikat sekarang, Datuk Ramly Haji Ali.

Upacara hari ini memberikan penghormatan kepada bekas-bekas Pendaftar -- Tan Sri Gunn Chit Tuan, Datuk Nik Hussein Nik Ali, Encik Abdullah Ghazali, Tan Sri Zulkifli Mahmood, Datuk Mokhtar Sidin, Allahyarham Ahmad Haji Abdul, Datuk Mohd Ghazali Mohd Yusof dan Puan Zainun Ali.

Lima daripada syarikat-syarikat yang ditubuhkan pada awal penubuhannya juga diberi penghormatan, iaitu -- The Ayer Hitam Planting Syndicate (Mac

1907), Rahman Hydraulic Tin Bhd (Mei 1907), The Ayer Molek Rubber Company Bhd (Okt 1909), The United Malacca Rubber Estates Bhd (April 1910) dan Kwong Wah Yit Poh Press Bhd (Februari 1911).

-- BERNAMA

SHO JR MA